



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan (Bumiputera) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam **Daerah Timur Laut, Negeri Pulau Pinang** sahaja yang memperolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang masih berkuatkuasa dari CIDB dalam gred dan pengkhususan yang berkaitan. Kontraktor juga perlu mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah dan mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tajuk Sebut Harga	Gred/ Kategori/ Pengkhususan CIDB	Tempat, Tarikh & Waktu Taklimat/ Lawatan Tapak
Menaik Taraf Galeri Melayu Pulau Pinang Dan Kemudahan Lain JWN.PBN.400-5/18/2026-4	Gred G1 (Daerah Timur Laut, Negeri Pulau Pinang Sahaja) Kategori B (Pembinaan Bangunan) Pengkhususan B03 (Pemulihan dan Pemuliharaan) Dan B07 (Hiasan Dalaman)	Tempat Galeri Melayu Pulau Pinang No 138, Jalan Hutton 10050 George Town Pulau Pinang
		Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak 12 Jun 2026 (Jumaat) Jam 10.00 pagi
		Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
		Tempat Peti Tender/Sebut Harga, Jabatan Warisan Negara, Aras Mezzanin, Menara Permodalan Nasional Berhad (PNB), No. 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tarikh Sebut Harga Ditutup 22 Jun 2026 (Isnin) Waktu Sebut Harga Ditutup 12.00 Tengah Hari

Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa KAD PENGENALAN, SIJIL ASAL dan SATU SALINAN sijil-sijil berkaitan serta COP RASMI syarikat semasa lawatan tapak. Surat Kelulusan/Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan untuk menyertai pelawaan sebut harga ini.

Kehadiran taklimat/lawatan tapak secara fizikal adalah **DIWAJIBKAN** dan taklimat/lawatan tapak akan diadakan pada **12 Jun 2026 (Jumaat) jam 10.00 pagi**. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan ditanggung oleh pihak penyebut harga bagi tujuan lawatan tapak tersebut.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi secara **PERCUMA** bermula pada **15 Jun 2026 (Isnin)** melalui e-mel. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak atau wakil yang sah sahaja. Kontraktor disarankan mempunyai alamat e-mel untuk memudahkan urusan rasmi. Jabatan ini berhak menolak pengambilan dokumen jika terdapat mana-mana butiran yang tidak melepasi syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bermeterai dengan **TAJUK** dan **NOMBOR SEBUT HARGA** di penjuru kiri sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada tarikh tutup yang ditetapkan ke alamat di atas.
3. Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier, dokumen tersebut hendaklah dipastikan masuk ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Warisan Negara. Penyebut harga juga hendaklah memastikan dokumen tersebut sempurna dihantar sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga **pada 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan atau dokumen yang tidak dimasukkan dalam Peti Sebut Harga tidak akan dilayan.**


MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN
Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara

Tarikh Pamer Iklan: **3 Jun 2026**